

**KAJIAN PERUBAHAN GUNA TANAH DI WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN TAHUN 1978-2007**

Disusun oleh: **Melani Yusoff Melani Permatasari Lajy Melani Permatasari**

MELANI HASIM

**Projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda
(Perancangan Bandar dan Wilayah)**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI 2008

ABSTRAK

Perkembangan bandar yang pesat menyebabkan berlakunya proses penyerakan bandar yang merupakan fenomena dimana sesebuah bandar itu berkembang tanpa kawalan akibat daripada tekanan fizikal, ekonomi, politik dan sosial. Salah satu daripada masalah utama yang dibentuk oleh proses-proses urbanisasi di kebanyakan negara-negara dunia ialah kegagalan penggunaan tanah yang rasional, komprehensif dan efektif (Katiman, 1988).

Labuan telah membangun dengan pesat dengan kepelbagaian sektor ekonominya. Ia mula membangun dengan aktiviti ekonomi utama iaitu sektor perdagangan (kewangan) serta perindustrian. Kini dengan statusnya sebagai Pusat kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) dan pelabuhan bebas cukai telah menjadikannya sebagai salah satu pusat perniagaan dan destinasi pelancongan yang unggul. Kajian ini akan cuba mengesan dan mengukur perubahan guna tanah yang berlaku dalam tempoh masa 1978-2007 bagi mengetahui keadaan guna tanah dan senario semasa pembangunan fizikal.

Dalam menjalankan kajian ini, analisis perubahan guna tanah dilakukan dengan cara menginterpretasikan imej yang telah diklasifikasikan dengan menggunakan teknik dan kaedah tertentu yang digunapakai bersama GIS. Tiga Model analisis dibentuk bagi menjalankan kajian analisis perubahan ini iaitu Analisis Perubahan Pemetaan, Analisis Peralihan Matriks dan Analisis Pematuhan. Antara kaedah yang digunakan adalah melalui proses tindih atas litupan guna tanah serta penggunaan teknik perbandingan iaitu penggunaan analisis siri masa dan jadual metrik peralihan.

Hasilnya, kepesatan pembangunan Labuan telah menunjukkan bahawa pemantauan terhadap guna tanah adalah diperlukan kerana pergeseran dan ketidak keseimbangan pembahagian guna tanah berlaku dan ini akan memberi impak kepada persekitaran jika ianya terus diabaikan dan tidak dikawal. Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan membuktikan bahawa dengan adanya sistem pendekatan yang tersusun, ia mampu memberikan maklumat yang rasional dalam mengesan keadaan semasa dan memahami senario pembangunan fizikal sesebuah wilayah.

ABSTRACT

Rapid town development causing messy town process that is a phenomena where a town is developing without control due to physical, economy, politic, and social pressure. One of the major problems that was form from urbanization process in most of the world's country is failure of rational, comprehensive and effective use of land (Katiman, 1988).

Labuan was developing rapidly with variety of its economy sector. It started to develop with the most important economy activity that is trading (financial) sector and industrial sector. Now, with its status as International Offshore Finance Centre and free trade harbour made it as one of the trading centre and an excellent tourist destination.

This research will try to track and measure changes of the use of land that happened in the period of 1978-2007 to know the situation of the use of land and the current physical development scenario. In doing this research, changes of the use of land analysis was made with the interpretation image that was classified with the use of certain techniques and methods that was used along with GIS. Three analysis models was form to develop these searching analysis researches that are Changing Analysis, Segmentation and Analysis of Movement Metrics and Obedient Analysis. Some of the method that was used has been through overlap layer over the use of land process along with the use of comparing technique that is usage of time serial analysis and movement metrics schedule.

As a result, the rapid development of Labuan show that the care of the use of land is needed because friction and unstable division of the use of land occur and this will give impact to surrounding if it left neglect and uncontrolled. Based on the research that have been done prove that with the existence of contiguous arrangement system, it can give rational information in tracking current situation and understanding physical development scenario of certain province.